

Pada Setiap Kali Gerimis Memanggil Namaku

Entah gerimis mana yang jatuh dari langit
mengetuk-ngetuk pintu malamku tanpa salam – merasuk tidur
sambil meneriak namaku - berkali-kali
dan dingin tiba-tiba menjadi angin resah.

.
Gerimis menggigit tulang dan menghisap darahku
sunyi mengelepar dalam segumpal cinta
yang syahdu di dalam tahajud
namun tak satu pun menjadi rindu
kerana titis-titis itu hilang di sela gelap.

Entah gerimis mana yang jatuh dari langit
mengutus harum mawar
dan segugus pesan
“untuk apa mencari damai yang hilang
jika kau sendiri tidak pasti sakitnya derita?”

Pada setiap kali gerimis memanggil namaku
apakah kau masih ingin menjadi sahabat
yang rela menjadi embun dan basah
di pucuk pohon dan rumputan?

SHAMSUDIN OTHMAN
Madrasah Sham al-Johori,
Bandar Baru Bangi.

Kepompong Sukma

Dosa masa lalu apakah yang berkeladak
di dalam kepompong kenangan
hingga tubuhku kaku dalam zulmat sunyi
dan nikmati menjadi sepi yang menghukum

Ah!
meski perasaan apa pun mendesah dalam diri
aku harus selalu bersyukur, kerana
sesal telah mengajar makna insaf
sunyi telah mengajar makna damai
yang mendekatkan usia kepada kematian.

Gerimis apakah yang berjuraian dari awan sendu
mengutus subur pada gersang tanah
ketika terasing dalam sunyi
membongkar rahsia diri
yang mengingatkan makna derita.

Ya, seekor ulat dalam kepompong sunyi
akulah yang tak pernah menyendiri.

SHAMSUDIN OTHMAN
Madrasah Sham al-Johori,
Bandar baharu Bangi.

**Kepada Siapa Lagi Harus Aku Ucapkan Terima Kasih
Kalau Bukan kepadamu, Ayah.**

Izinkan aku bertanya setelah kita sama-sama
menjadi rontok dalam musim menuai yang lain.

Selama ini, aku tertanya-tanya kenapa kau pahat
sebaris huruf di atas batu-batu
yang setia menongkat gunung perkahwinan
juga sabar membenteng hempasan cemburu.

Terima kasih, ayah
saat kau menyantuni dewasakan dengan doa
mengantur huruf-huruf namaku dengan ikrar jujur
menganding teliti akal yang berselerakan di hutan mimpi
nama yang hadir dalam igau pernikahan
kini menjadi pasak dalam hayat bahagiamu.

Suatu pagi di anjung subuh yang redup
aku bertanya kepadamu, “rahsia apakah
yang terpendam di dalam huruf-huruf namaku?”

Kau membisu seperti renek gerhana yang dilitupi matahari
dalam gerimis yang tak sempat mengutus dingin
aku menelinga serak suara yang menyusur angin bibirmu
dari sela-sela bibir rentu, katamu
/s/ adalah syahadah ikatan iman
/h/ adalah hayat permainan duniawi
/a/ adalah Allah Maha Pencipta
/m/ adalah Muhammad pemimpin junjungan
/s/ adalah syahid dalam pujuk rayu
/u/ adalah ukwah memuncak damai
/d/ adalah dakwah dalam peta tak bersempadan
/i/ adalah insaniah tunjang peribadi
/n/ adalah nurani yang abadi.

Terima kasih, ayah
atas bitaramu memilih sebaris huruf maknawi
yang menjadikan aku
lelaki bersayap rindu.

SHAMSUDIN OTHMAN
Leiden, Belanda.

SHAMSUDIN OTHMAN kelahiran Tangkak, Johor pada 31 Julai 1966. Menerima Ijazah pertama sehingga Doktor Falsafah di Akademi Pengajian Melayu, Universiti Malaya (1994 - 2012). Kini merupakan Pensyarah Kanan di Jabatan Pendidikan Bahasa dan Kemanusiaan, Fakulti Pengajian Pendidikan, Universiti Putra Malaysia. Antara karyanya ialah kumpulan puisi berjudul *Taman Percakapan* (DBP: 2006), *Tanah Nurani* (PIB: 2009), *Taman Maknawi* (ITBM: 2013), *Taman Insaniah* (DBP: 2015), *Kudus Kesturi* (ITBM: 2015). Penerima pelbagai anugerah sastera.